

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTA JAM]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sumbangan “*care economy*” dalam KDNK negara daripada segi kewangan, nyatakan formula pengiraan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk maklumat Tuan Yang Di-Pertua dan Ahli Dewan bahawa bagi tahun 2014, sumbangan jumlah perbelanjaan kesihatan negara dalam KDNK negara adalah sebanyak 4.54 peratus iaitu RM50,278 million. Di Kementerian Kesihatan Malaysia terdapat Unit *Malaysia National Health Accounts* (MNHA) di Bahagian Perancangan yang bertanggungjawab dalam membuat laporan bagi perbelanjaan kesihatan negara termasuk perbelanjaan oleh sektor awam dan sektor swasta.

Ingin dimaklumkan juga mengenai formula pengiraan bagi sumbangan perbelanjaan kesihatan negara dalam KDNK iaitu Jumlah perbelanjaan kesihatan sektor awam dan perbelanjaan sektor swasta dibahagi dengan jumlah KDNK negara bagi tahun yang sama dalam nilai Ringgit Malaysia. Data-data perbelanjaan sektor awam dan sektor swasta yang diperolehi adalah melalui beberapa kajian dari unit MNHA dan pelbagai sumber-sumber data lain. Data KDNK negara diperolehi dari Jabatan Perangkaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengenal pasti pelancongan kesihatan sebagai salah satu sektor penyumbang untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara. Malaysia mempunyai potensi yang sangat besar untuk menarik lebih ramai pelancong kesihatan berdasarkan pelbagai faktor-faktor tarikan seperti kos perubatan yang kompetitif, pakar perubatan yang berkemahiran tinggi, sistem penjagaan kesihatan yang baik, fasiliti perubatan terkini dan kemudahan kemasukan ke negara.

Kementerian Kesihatan Malaysia melalui *Malaysia Healthcare Travel Council* (MHTC) terus merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membangun dan mempromosi sektor pelancongan kesihatan ke arah menjadikan Negara kita sebagai destinasi pilihan bagi penjagaan kesihatan di rantau ini, di samping meningkatkan sumbangan sektor ini kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, pada tahun 2015 industri pelancongan kesihatan telah menjana sejumlah RM915 juta kepada pendapatan negara. Jumlah pendapatan yang dijana ini hanya daripada kos perubatan yang perlu dibayar oleh pelancong kesihatan yang mendapatkan rawatan di hospital-hospital swasta di Malaysia. Pendapatan yang dijana dari industri ini juga tidak termasuk kos penerbangan dan juga kos penginapan yang perlu ditampung oleh pelancong kesihatan. Ini merupakan kesan pengganda (*multiplier effect*) yang perlu diambil kira untuk industri pelancongan kesihatan. Kesan pengganda yang digunapakai untuk impak pelancongan kesihatan kepada ekonomi ialah 2.24 (rujukan dari *2014 Global Wellness and Tourism Economy Report* yang di keluarkan oleh SRI International). Buat masa ini, data yang dikumpul tidak termasuk dari *primary care*, pusat jagaan ambulatori dan *wellness*. Jika data dari pusat-pusat dan fasiliti-fasiliti tersebut diambil kira, pengiraan konservatif impak pelancongan kesihatan kepada ekonomi dianggarkan mencecah RM4 billion.

Tuan Yang di-Pertua,

Menurut penerbitan ilmiah *United Nations*, istilah “*care economy*” ialah perkhidmatan untuk penjagaan yang diberikan kepada kanak-kanak, pesakit dan warga tua. Perkhidmatan penjagaan ini dikategorikan kepada dua jenis; pertama ialah perkhidmatan langsung dan berbayar, dan kategori kedua ialah perkhidmatan tidak secara langsung dan tidak direkod yang lazimnya diberikan oleh ahli keluarga di rumah. Bagi makluman Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini sistem pengumpulan data pihak Kementerian Kesihatan merangkumi pengumpulan maklumat untuk perkhidmatan yang diberikan oleh hospital-hospital kerajaan dan swasta sahaja.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P
PATTO [BATU KAWAN]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar Orang Asal dari Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak mengikut jantina dalam sekolah Kerajaan dan menuntut dalam institusi pengajian tinggi awam dan swasta dan jenis universiti dari tahun 1970 sehingga kini.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bilangan murid Orang Asal dari Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak mengikut jantina dalam Sekolah Kerajaan adalah seramai 34,498 orang yang terdiri dari 16,613 lelaki dan 17,885 perempuan di Semenanjung, 41 orang terdiri dari 19 lelaki dan 22 perempuan di Sabah dan 3,383 orang terdiri dari 1628 lelaki dan 1755 perempuan di Sarawak.

Data murid yang menuntut dalam institusi pengajian tinggi awam dan swasta adalah bukan di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN KASTHURIRAANI
A/P PATTO [BATU KAWAN]**

SOALAN :

YB Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pecahan jumlah bil api dan elektrik bagi kediaman rasmi Perdana Menteri, [Menteri Besar serta Ketua Menteri semua negeri di Malaysia] dari tahun 2008 sehingga kini.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kediaman rasmi YAB Perdana Menteri sentiasa digunakan bagi penganjuran majlis-majlis rasmi meraikan tetamu dalam dan luar negara. Selain itu, kediaman ini juga dilengkapi sistem keselamatan elektronik bagi mengesan segala aktiviti pencerobohan atau pelanggaran keselamatan untuk mempertingkatkan kawalan keselamatan yang turut melibatkan kos bil elektrik untuk beroperasi.

Jumlah bayaran kos utiliti elektrik bagi Kediaman Rasmi Perdana Menteri bagi tempoh tahun 2008 hingga kini adalah bergantung kepada penetapan dan perubahan tarif dari semasa ke semasa.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
SOALAN : NO. 178

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan Baucer Buku 1Malaysia (BB1M) yang telah diberikan kepada pelajar-pelajar daripada pusat pengajian tinggi awam dan swasta dari permulaan tahun agihan sehingga 2016 mengikut pecahan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang diterima bagi program Baucar Buku 1 Malaysia (BB1M) pada tahun 2016 adalah sebanyak RM300 juta untuk diagihkan kepada 1.2 juta pelajar. Agihan BB1M kepada pelajar dilaksanakan oleh Institusi Pendidikan Tinggi masing-masing. Tempoh sah laku BB1M 2016 adalah sehingga 30 Jun 2016, manakala tempoh penebusan oleh pekedai adalah sehingga 30 Ogos 2016.